

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



**AMALAN BAIK PERATURAN: E10 SEBAGAI NARATIF
BAHARU DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH**

*GOOD REGULATORY PRACTISE: E10 AS THE NEW NARRATIVE IN THE
SERVICE DELIVERY SYSTEM OF THE MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH*

Nadzman Mustaffa¹, Halimah Abdul Manaf^{2*}, Hamzah Abdul Halim³, Mazrina Mohammed Ibramshah⁴

¹ Majlis Perbandaran Kulim Kedah, Kedah, Malaysia

Email: nadzman@mpkk.gov.my

² Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: imah@uum.edu.my

³ Majlis Perbandaran Kulim Kedah, Kedah, Malaysia

Email: hamzah@mpkk.gov.my

⁴ Perbadanan Produktiviti Malaysia, Selangor, Malaysia

Email: mazrina@mpc.gov.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.03.2023

Revised date: 16.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 15.06.2023

To cite this document:

Mustaffa, N., Manaf, H. A., Halim, H. A., & Ibramshah, M. M. (2023). Amalan Baik Peraturan: E10 Sebagai Naratif Baharu Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan Majlis Perbandaran Kulim Kedah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 322-337.

DOI: 10.35631/IJLGC.832025.

Abstrak:

Pendekatan amalan baik peraturan atau good regulatory practise (GRP) merupakan salah satu kaedah digunakan dalam penguatkuasaan peraturan yang diamalkan dalam perkhidmatan awam di Malaysia. Namun begitu, kaedah tersebut masih mewujudkan jurang antara keperluan orang ramai dan keperluan pematuhan secara ketat terhadap peraturan. Berdasarkan kerangka tersebut, kajian ini mengkaji mengenai amalan baik peraturan E10 sebagai pendekatan menang-menang antara masyarakat dengan pihak kerajaan tempatan berhubung peraturan kelulusan pembangunan. Rekabentuk kajian ini melibatkan kajian kes di Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), Kedah. MPKK dipilih berdasarkan pendekatan menang-menang digunakan dalam meluluskan permit pembinaan kepada pelabur yang menjalankan perniagaan dalam daerah Kulim. Pendekatan menang-menang digunakan oleh MPKK dalam meluluskan permit pembinaan kepada pelabur telah mendapat pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2021. Hasil kajian mendapati bahawa E10 telah memperkenalkan beberapa proses kerja yang lebih sistematik sebelum permohonan permit dibuat membolehkan aktiviti perniagaan dapat dijalankan di dalam tempoh yang lebih singkat secara persetujuan bersama antara pelabur dan agensi kerajaan. Pendekatan E10 telah memberi banyak impak positif

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kepada usaha menarik pelabur, membuka peluang pekerjaan kepada penduduk dan menjana pendapatan kepada pihak berkuasa tempatan.

Kata Kunci:

Peraturan, Pendekatan E10, Pihak Berkuasa Tempatan, Amalan Baik Peraturan, Pembangunan

Abstract:

The good regulatory practise or amalan baik peraturan (GRP) approach is a method used in strengthening regulatory power practiced in Malaysia public services. However, the method creates a gap between the needs of the public and tight adherence to compliance with regulations. Based on this framework, the study examines the best practice of regulation E10 as a win-win approach between the community and the local government regards to the regulation of development approval. The research design involved a case study at the Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), Kedah. MPKK was chosen based on the win-win approach used to provide development permit to investors who operates businesses in the Kulim region. In 2021, the Malaysian government recognised win-win approach used by MPKK in approving development permit to the investors. The results of the study found that E10 introduced more systematic work processes before the permit application was made. This provide business activities to be carried out in a shorter period by mutual consent between investor and government agency. The E10 approach has a significant positive impact on efforts to attract investors, open up job opportunities to residents and provide income to local government.

Keywords:

Regulation, E10 Approach, Local Authorities, Good Regulatory Practices, Development

Pengenalan

Perbincangan mengenai prestasi sistem penyampaian dan produktiviti agensi kerajaan bukan perkara baharu di dalam bidang pengurusan awam. Ia boleh dianggap seusia dengan pengurusan awam itu sendiri. Namun ia masih menjadi isu hangat yang sering diperdebatkan di dalam pelbagai forum (Robinson, 2015). Sebagai pelaksana pelbagai peraturan yang digubal oleh kerajaan, agensi kerajaan berperanan memastikan setiap kegiatan orang ramai berada di dalam kerangka peraturan yang ditetapkan (Arifin dan Ahmad, 2016). Ini adalah untuk memastikan kegiatan yang dijalankan oleh orang ramai tidak mengganggu gugat kepentingan awam. Dalam keadaan inilah agensi kerajaan berada dipersimpangan yang rumit. Keperluan setiap orang adalah berbeza sedangkan peraturan bersifat umum.

Penguatkuasaan peraturan yang terlalu ketat mungkin boleh menjejaskan keperluan individu (sama ada orang perseorangan atau syarikat). Penggunaan budi bicara adalah diperlukan, namun ia mungkin membawa kepada perbuatan pilih kasih atau salah guna kuasa. Malah penguatkuasaan peraturan secara terpilih pula boleh menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan orang ramai (Hassan, 2016). Lebih parah jika pegawai awam berkenaan dikenakan tindakan kerana tidak menguatkuasakan peraturan secara ikut buku. Dilema tersebut telah menimbulkan persoalan kajian mengenai apakah kaedah amalan peraturan yang terbaik boleh

digunakan oleh penjawat awam dalam menjaga kepentingan awam dan memastikan prosedur kerja turut dipatuhi, khusus berkaitan dengan kelulusan permit pembangunan?.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana kaedah E10 menjadi amalan peraturan terbaik yang boleh digunakan dalam penyampaian perkhidmatan seperti kelulusan permit pembinaan. Keaslian dan sumbangan kajian ini kepada bidang pengurusan awam adalah memperkenalkan pendekatan kerja yang lebih cepat dan berkesan tanpa mengurangkan prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan dalam penyampaian perkhidmatan. Melalui pendekatan ini dapat meningkatkan produktiviti kerja sektor awam dan pelanggan serta meningkatkan pembangunan aktiviti ekonomi masyarakat setempat. Ia merupakan satu kajian yang dibuktikan secara praktikal dengan kejayaan kajian kes yang telah dibuat di Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK). Kejayaan MPKK ini telah diiktiraf oleh kerajaan Malaysia melalui Ketua Setiausaha Negara dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai kaedah *ease of doing business* bagi menarik pelaburan asing ke Malaysia (The Star Online, 2022).

Ulasan Karya

Apa Itu Peraturan?

Apa yang dimaksudkan dengan peraturan?. Mungkin ada yang kurang pasti perbezaan antara peraturan, undang-undang, kaedah atau garis panduan. Peraturan didefinisikan di dalam pelbagai bentuk mengikut keperluan bidang yang berkaitan. Secara umumnya peraturan merangkumi dua konsep utama. Pertama, ia merupakan satu kaedah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal tingkah laku pelaku di dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan sosial (Baldwin, Cave dan Lodge, 2012). Pelaku-pelaku ini mungkin terdiri dari orang perseorangan atau sebuah firma. Kedua ia merupakan satu kaedah untuk melindungi kepentingan awam (Shleifer, 2005). Penggubalan peraturan tidak melibatkan kelulusan badan perundangan sama ada di peringkat pusat atau negeri. Namun, terdapat juga peraturan yang dibawa untuk kelulusan badan perundangan jika undang-undang yang mengawalselia sesuatu aktiviti mengkehendakinya berbuat demikian. Peraturan yang ditetapkan oleh jabatan yang bertanggungjawab mengikut bidangkuasa yang ditetapkan oleh undang-undang utama kepada aktiviti berkenaan.

Dalam konteks pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) memberikan autoriti kepada PBT untuk menggubal undang-undang kecilnya sendiri dan menentukan peraturan, kaedah atau garis panduan bagi mengurustadbirkan pelaksanaannya (Lee, 2014). Oleh itu, PBT bertindak sebagai pengawalselia peraturan mempunyai bidangkuasa untuk menentukan perjalanan pengurusannya mengikut kesesuaian lokaliti masing-masing.

Akta 171 membenarkan pihak berkuasa tempatan untuk menghasilkan sumber kewangan dan pendapatan, melantik staf pentadbiran, mewujudkan adhoc mesyuarat mengikut tanggungjawab pembuatan keputusan dan fungsi-fungsi berkaitan. PBT juga mempunyai fungsi tambahan yang lain termasuk berkaitan dengan pemeliharaan dan kawalan alam sekitar, kebersihan dan keselamatan awam, pencegahan penyakit serta hal kebajikan penduduk di kawasan pentadbirannya. Fungsi tersebut memerlukan PBT untuk mengawal dan menggalakkan pembangunan kemudahan awam termasuk kegiatan sosial dan ekonomi masyarakat setempat.

Antara fungsi PBT yang disenaraikan di bawah akta ini termasuklah memelihara tempat dan kemudahan awam kepada penduduk setempat seperti pengurusan sisa pepejal, pengurusan jalan dan sistem perparitan serta kacau ganggu. Dalam menjalankan fungsi dan tanggungjawab kepada pembangunan masyarakat setempat Akta 171 membenarkan PBT untuk menggubal undang-undang kecil (*by laws*) agar peraturan yang lebih terperinci dapat dibangunkan.

Undang-undang kecil yang diperkenalkan dalam PBT membolehkan peraturan dan kaedah pentadbiran yang lebih khusus digunakan bagi melaksanakan fungsinya. Undang-undang kecil juga mengandungi syarat-syarat dan kaedah yang lebih khusus dalam pentadbiran penguasa tempatan. Kuasa untuk membuat undang-undang kecil yang diberikan kepada penguasa tempatan oleh kerajaan negeri membolehkan sumber-sumber ekonomi yang baru dan kawalan peraturan sedia ada dapat ditambahbaik mengikut keperluan semasa. Bidang tugas undang-undang kecil pihak penguasa tempatan di bawah Akta 133 juga melibatkan hal ehwal memperbaiki jalanraya, jalanraya awam, memberi nama kepada jalanraya-jalanraya, memberi nombor kepada rumah-rumah, membina longkang-longkang, saluran-saluran air dan sisa tandas, lorong-lorong belakang, serta mengawal sebarang pembinaan bangunan. Tiga akta tersebut telah membantu PBT untuk menjalankan fungsi kepada masyarakat dan petunjuk tanggungjawab kepada kerajaan negeri dan pusat dalam penyampaian perkhidmatan (Lee, 2014).

Hubungan Antara Peraturan Dan Kecekapan Sistem Penyampaian

Tugas untuk menguatkuasakan peraturan terletak kepada pengawalselia peraturan. Kebiasaannya pengawalselia adalah agensi kerajaan yang diberikan autoriti untuk memastikan peraturan berkenaan dipatuhi. Tugas penguatkuasa ini adalah mengawal, memantau dan mengambil tindakan terhadap ketidakpatuhan kepada peraturan tersebut.

Perlu diingatkan disini, peraturan yang digubal dan dikuatkuasakan adalah berbentuk umum. Ini bermakna ia dikuatkuasakan ke atas setiap pelaku. Boleh dikatakan peraturan juga “buta” seperti mana undang-undang. Ia tidak mengenal siapa pelaku yang tertakluk kepada peraturan tersebut. Pelaksanaan peraturan berkenaan hendaklah dikuatkuasakan secara sama rata dan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Namun, setiap pelaku mempunyai latar belakang berbeza dan mempunyai kepentingan yang berlainan. Dari sudut memenuhi keperluan rakyat, adalah menjadi tanggungjawab pengawalselia yang juga berfungsi sebagai penjawat awam untuk memastikan keperluan rakyat dipenuhi sewajarnya tanpa mengengapikan kepentingan awam (Hassan, 2016). Ini meletakkan kedudukan pengawalselia dalam keadaan yang sukar apabila bertembung antara keperluan peraturan dan keperluan individu. Dalam keadaan ini pengawalselia perlu menggunakan budibicaranya sendiri dalam menguatkuasakan sesuatu peraturan.

Tingkhilaku pengawalselia dalam menggunakan budibicara ini akan diukur sebagai kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan kepada orang ramai. Dengan itu, penggunaan budibicara dalam penguatkuasaan peraturan membawa dua implikasi. Pertama ia akan dianggap sebagai kecekapan jika budibicara tersebut memberi manfaat dan memenuhi keperluan orang ramai. Malah pengawalselia akan dianggap kurang bijak dan tidak cekap dalam melaksanakan tugas jika ia menguatkuasakan sepenuhnya peraturan yang telah ditetapkan tanpa mengambilkira keperluan orang ramai. Kedua ia akan dianggap salah guna kuasa jika budibicara tersebut tidak memberi manfaat kepada segelintir orang walaupun pada

segelintir yang lain ia adalah kecekapan. Ini meletakkan pengawalselia peraturan di persimpangan yang rumit.

Dalam menjalankan aktiviti kehidupan seharian, orang ramai tertakluk kepada peraturan yang dikuatkuasakan oleh pelbagai agensi pengawalselia. Keadaan ini juga sering menimbulkan keresahan dalam kalangan orang ramai. Terdapat banyak keadaan tidak berlaku penyelarasan sesama agensi pengawalselia peraturan semasa menguatkuasakan peraturan. Tanpa penyelarasan yang mantap sesama agensi pengawalselia, penguatkuasaan peraturan yang berbeza boleh menimbulkan ketidakpuasan hati orang ramai. Malah, dalam keadaan tertentu kelemahan yang timbul akibat ketiadaan penyelarasan ini diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mempertahankan perbuatan ketidakpatuhan mereka.

Amalan Baik Peraturan

Amalan baik peraturan atau *good regulatory practices* (GRP) adalah penerapan kaedah, amalan atau prosedur yang sistematik bagi membolehkan agensi kerajaan melaksanakan peraturan dengan berkesan, telus, inklusif dan stabil (Perbadanan Produktiviti Malaysia, 2021). GRP melibatkan proses, sistem, alat dan kaedah yang diakui diperingkat antarabangsa dan tempatan untuk meningkatkan kualiti peraturan. GRP bertujuan untuk memastikan peraturan yang diperkenalkan sesuai dengan objektif yang ingin dicapai dalam program atau dasar tertentu (World Bank Group, 2019). GRP juga dikenali sebagai urustadbir peraturan dan regulasi yang lebih baik. Di peringkat antarabangsa terutama negara-negara ASEAN, GRP merupakan reformasi peraturan untuk mengintegrasikan aktiviti ekonomi melibatkan negara anggota. Negara ASEAN menyedari bahawa agenda ekonomi harus didasarkan kepada pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh produktiviti dan inklusiviti serta amalan peraturan yang baik. Amalan peraturan yang baik dan berkesan dapat menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negara anggota ASEAN lebih kompetitif.

Kebiasaannya, skop peraturan yang menjadi prinsip dalam GRP melibatkan garis panduan yang jelas mengenai kriteria produk atau proses pentadbiran penjualan barangan dan perkhidmatan (Zulkifli, Najid, Mohd Noor, Abdul Rahim, Yaacob, 2020). Ia termasuklah terminologi urusan jual beli, penggunaan simbol, pembungkusan, tanda dan label yang diperlukan semasa memohon produk, proses atau kaedah pengeluaran barangan dan perkhidmatan. Tujuan panduan GRP ini adalah untuk membantu negara anggota ASEAN dalam merancang dan menerapkan pendekatan peraturan sebagai persiapan dan mengelak kelewatan dalam urusan perdagangan (World Bank Group, 2019). Bagi memastikan prinsip GRP tersebut dapat dipenuhi dan mengelak kelewatan permohonan dapat dibantu dengan konsultasi peraturan yang efektif.

Mekanisma yang sering digunakan sebagai alat GRP adalah perundingan awam, analisis kesan peraturan (*regulation impact assessment*-RIA), penilaian peraturan yang ada, pemudahcara birokrasi/pentadbiran, penggunaan undang-undang dan peraturan, rancangan peraturan masa depan dan pengawasan peraturan.

Kajian ini menfokuskan kepada GRP kerana ia dapat digunakan bagi memperbaiki ekosistem peraturan yang memudahkan proses kerja dan pemantauan peraturan. Menurut Laporan Daya Saing Pelaburan Global Kumpulan Bank Dunia 2017-2018 yang melibatkan 750 pelabur di negara sedang membangun menunjukkan bahawa faktor yang menarik minat pelabur untuk melabur di sesebuah negara adalah kestabilan politik dan peraturan yang mesra (World Bank Group, 2018).

Sementara itu, kajian Eifert (2009) menunjukkan hubungan positif antara penambahbaikan ekosistem peraturan dan kecenderungan pelaburan (pertumbuhan ekonomi). Ia disebabkan oleh kebanyakan pelabur ingin mendapatkan keuntungan dari kemudahan peraturan dan prosedur yang mempengaruhi tempoh masa perniagaan.

Kajian lepas yang dijalankan di Malaysia menunjukkan bahawa peraturan yang lebih mesra perniagaan dan ekosistem peraturan yang lebih menguntungkan dapat menarik minat pelabur dan sekaligus menggalakkan pertumbuhan ekonomi (TheSunDaily, 2021; Malaysian Investment Development Authority 2021). Selain itu, keberhasilan reformasi peraturan di Malaysia dapat dilihat dalam banyak petunjuk antarabangsa seperti yang dibentangkan dalam Forum Ekonomi Dunia termasuklah *Global Indicators of Regulatory Governance*, *Worldwide Governance Indicators*, *Doing Business* yang mengukur beban peraturan dalam agensi kerajaan dan ketelusan proses pembuatan dasar. Indikator antarabangsa tersebut yang mengukur prestasi GRP menunjukkan bahawa kedudukan prestasi GRP di Malaysia adalah setanding dengan negara-negara OECD berpendapatan tinggi (World Bank Group, 2019).

Konsultasi Peraturan

Proses konsultasi peraturan yang efektif adalah landasan GRP dan prasyarat utama peraturan teknikal untuk memastikan permohonan dapat diterima dan dilaksanakan. Agensi kerajaan yang membuat peraturan disarankan membuat proses sistematik untuk memastikan bahawa pihak yang berminat boleh mengambil bahagian dalam konsultasi di semua tahap proses peraturan iaitu pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian semula (Zulkifli, Najid, Mohd Noor, Abdul Rahim, Yaacob, 2020). Secara ideal, konsultasi harus diintegrasikan dengan semua peringkat pembangunan dasar/peraturan, termasuk pemilihan instrumen (seperti undang-undang, peraturan, komponen pilihan) bagi memastikan maklumat yang disampaikan selari dengan dasar kerajaan.

OECD telah mengenalpasti lima kaedah yang sering digunakan dalam konsultasi awam;

1) Konsultasi informal

Ia melibatkan semua bentuk perhubungan antara regulator dan kelompok berkepentingan, bermula dengan panggilan telefon, email dan penggunaan platform konsultasi atas talian dan pertemuan bersemuka secara informal. Kaedah ini sangat membantu dan fleksibel bagi mengumpulkan maklumat awal dari pihak yang berkepentingan.

2) Hebahan peraturan dan garis panduan bagi mendapat pandangan orang ramai.

Kaedah ini melibatkan kos operasi yang rendah dan membuka ruang yang luas kepada semua masyarakat untuk memberi pandangan terhadap peraturan dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh agensi yang berkaitan.

3) Pemberitahuan kepada masyarakat.

Kaedah ini membuka peluang yang luas kepada masyarakat untuk terlibat secara lebih formal. Pemberitahuan ini melibatkan makluman draf proposal peraturan dan hasil penilaian yang biasanya akan menjadi sebahagian dari RIA.

4) Sesi mendengar maklumbalas masyarakat.

Pertemuan ini berfokus kepada proposal peraturan tertentu membolehkan pihak yang berkepentingan untuk memberi pandangan secara langsung, atau menyalurkan maklumat secara bertulis. Sidang pertemuan tersebut boleh juga melibatkan kombinasi dengan kaedah konsultasi yang lain.

5) Penggunaan badan penasihat

Badan penasihat tersebut terdiri dari badan penasihat berkaitan ekonomi, sosial, keselamatan dan kesihatan yang boleh terlibat dalam semua proses peraturan. Namun, peranan utama badan

ini adalah menjadi penasihat awal mengenai peraturan dan hubungan dengan syarikat perniagaan yang memohon.

Kos kepada pelabur dapat dikurangi jika perunding diperingkat konsultasi dapat memahami dan mengikuti proses konsultasi dengan betul. Langkah dalam proses kerja yang memenuhi peraturan agensi di sesebuah negara dapat mengelak daripada pengulangan proses kerja yang sama dan mengelak tempoh masa menunggu kelulusan yang panjang. Kaedah penggunaan badan penasihat ini turut digunakan dalam pelaksanaan E10 sebagai amalan baik peraturan.

Metodologi

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji pelaksanaan E10 sebagai amalan baik peraturan dalam penyampaian perkhidmatan Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK), Malaysia. Rekabentuk kajian kualitatif dipilih menggunakan kajian kes MPKK untuk menguji penambahbaikan dalam GRP dapat meningkatkan prestasi kerja organisasi dan menarik minat pelabur. Secara umumnya, kajian kualitatif digunakan bagi menjawab persoalan berkaitan apa, mengapa dan bagaimana yang membantu kupasan secara mendalam kajian kes amalan baik peraturan.

Rekabentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini memandangkan ia banyak digunakan dalam bidang ilmu politik termasuk berkaitan dengan permasalahan peraturan (Carolan, Forbat, & Smith, 2015; Elman, Gerring, & Mahoney, 2016; Morgan, Pullon, Macdonald, McKinlay, & Gray, 2017). Secara khusus, kajian kes digunakan bagi meneroka atau menjelaskan fenomena yang kurang difahami dari perspektif makro (Yin, 2018). Dalam kajian mengenai peraturan memerlukan kajian secara berfokus atau kajian kes bagi memahami secara terperinci kaedah pelaksanaan peraturan di agensi kerajaan tertentu.

Manakala kaedah kutipan data melibatkan data premier hasil dari temubual dan pandangan penyelidik yang terlibat dalam proses pelaksanaan amalan baik peraturan. Bagi mengukuhkan dapatan, kajian ini juga melibatkan data sekunder seperti garis panduan, dokumen kerajaan, dan undang-undang PBT. Kajian kes dapat menghasilkan analisis yang komprehensif mengenai perubahan peraturan seperti mengkaji bagaimana peraturan semasa dapat menarik minat pelabur untuk menjalankan perniagaan di Kulim dan Malaysia. Kajian kes berkaitan peraturan ini membolehkan penyelidik menganalisis pengalaman sendiri dan maklumat yang diperolehi berhubung dengan pelaksanaan peraturan sebagai data utama. Pengalaman profesional yang diperolehi oleh penyelidik boleh digunakan secara kaedah story telling (Balon & Rime, 2016). Kaedah penceritaan tersebut membolehkan penyelidik menterjemahkan pengalaman yang dilalui dan dokumen berkaitan dalam bentuk garis panduan know-how pelaksanaan peraturan.


Perbincangan

Pendekatan Menang-Menang Dalam Amalan Baik Peraturan

Mengambil jalan tengah dalam penguatkuasaan peraturan, pengawalselia perlu menggunakan kebijaksanaan bukan sahaja budibicara didalam memastikan peraturan dipatuhi. Mungkin sukar untuk mendefinisikan maksud kebijaksanaan dan budibicara secara tuntas, namun terdapat beberapa pembolehubah yang mungkin berguna jika pengawalselia peraturan dapat memahami persekitaran sesuatu keadaan. Antara pembolehubah yang mungkin memerlukan perhatian adalah (i) ciri-ciri persekitaran sesuatu komuniti, (ii) bagaimana struktur individu,

masyarakat dan sesuatu firma terbentuk, (iii) bentuk motivasi yang diperlukan dan (iv) kemungkinan terdapat halangan yang menjejaskan pematuhan (OECD, 2000).

Kefahaman terhadap pembolehubah ini penting kerana peraturan tidak digubal dengan mengambilkira kepentingan setiap individu di dalam masyarakat. Ia bersifat umum dengan mengambilkira kepentingan majoriti. Oleh itu, semasa proses pelaksanaan peraturan akan wujud jurang di antara penguatkuasaan peraturan dan kepentingan individu (sama ada orang perseorangan atau firma) yang memerlukan penyesuaian terhadap pematuhan kepada peraturan tersebut. Kedudukan jurang ini digambarkan di dalam Rajah 1.



Rajah 1: Jurang Penguatkuasaan Peraturan Dan Keperluan Individu

Sumber: Nukilan dan Hakcipta Penulis

Rajah 1 menunjukkan jurang yang wujud diantara peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penguatkuasaan dan juga keperluan khusus yang melibatkan individu atau syarikat yang berkaitan. Dalam hal ini, penguatkuasa memainkan peranan penting kepada memenuhi kehendak pelanggan/masyarakat dan juga memenuhi hasrat kerajaan. Ia memerlukan penguatkuasa bertindak mengikut standard panduan kerja yang diharapkan kepada penguatkuasa sebagai penjawat awam.

Di Malaysia, kerajaan menggalakkan penguatkuasa untuk mengenalpasti strategi dalam membangunkan peraturan yang komprehensif, terkini dan sesuai dengan persekitaran perniagaan semasa. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan juga perlu memastikan peraturan perniagaan/perdagangan domestik mencakupi keperluan perniagaan antarabangsa, kemajuan dalam pengetahuan dan teknologi termasuklah revolusi industri 4.0 (Seman dan Majid, 2019). Oleh itu, pendekatan menang-menang diperkenalkan bagi memastikan jurang diantara kehendak agensi kerajaan dan jangkaan industri atau masyarakat dapat dipenuhi secara harmoni.

Menyedari keperluan terhadap penyesuaian ini Organisation of Economic Cooperation and Development (OECD), sebuah badan kerjasama global untuk mempromosikan produktiviti dan kecekapan pengurusan ekonomi telah memperkenalkan prinsip-prinsip peraturan baik (*good regulation*) pada tahun 1995.


Prinsip-prinsip utama peraturan ini berkembang dengan pelbagai pendekatan. Antara yang paling popular dan diamalkan di kebanyakan negara di dunia terutama di Asia Tenggara adalah pendekatan “good regulatory practise” (GRP). Tiada satu kaedah tunggal yang diperkenalkan bagi menentukan bagaimana GRP sepatutnya dilaksanakan. Namun OECD mengesyorkan beberapa pendekatan umum. Antaranya ialah (i) menyemak semula peraturan sedia ada bagi memastikan ia masih relevan dengan keperluan semasa, dan (ii) menggunakan pendekatan RIA jika perlu membuat perubahan kepada peraturan berkenaan.

Sungguhpun begitu, dalam keadaan peraturan masih relevan dengan keperluan semasa, penguatkuasaan terhadap peraturan tetap tidak terlepas dari menimbulkan keresahan dari orang ramai yang dipengaruhi pelbagai faktor. Antara yang sering menjadi rungutan adalah wujud jurang antara keperluan orang ramai dan keperluan pematuhan secara ketat terhadap peraturan tersebut. Dalam konteks mendapatkan permit pembinaan, pelabur biasanya memerlukan masa di antara 12 sehingga 24 bulan bagi membolehkan mereka memulakan kerja-kerja pembinaan kilang. Ini memberikan tekanan kepada mereka kerana kelewatan memulakan kerja-kerja pembinaan kilang boleh menjejaskan jadual perancangan perniagaan mereka. Sekaligus boleh membawa risiko kerugian jika mereka tidak mampu membekalkan produk pengeluaran mereka kepada pelanggan seperti yang dijanjikan.

Dalam kajian kes yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), Kedah telah mengambil pendekatan menang-menang di dalam meluluskan permit pembinaan kepada pelabur yang menjalankan perniagaan mereka di dalam daerah Kulim. Pendekatan ini merupakan salah satu kaedah bagi memastikan penguatkuasaan peraturan tidak mengalami kegagalan (OECD, 2000).

Pendekatan yang dinamakan sebagai E10-Permit Pembinaan Ekspres telah dilaksanakan secara uji cuba di Kulim Hi-Tech Park Fasa 4 seluas 380 ekar yang menempatkan beberapa syarikat multinasional. E10 telah dibentangkan kepada PEMUDAH dan diperakukan sebagai pendekatan yang berkesan bagi menyelesaikan isu kelewatan permit pembinaan. PEMUDAH adalah badan yang diwujudkan oleh kerajaan sebagai platform untuk menyelaraskan keperluan pematuhan kepada peraturan dan keperluan perniagaan. Badan ini dipengerusikan bersama oleh Pemimpin Industri dan Ketua Setiausaha Negara dengan diurusetiaikan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). E10 memberi fokus terhadap aspek keberkesanan interaksi antara kerajaan dan komuniti perniagaan bagi memastikan urusan perniagaan dapat dijalankan di dalam tempoh masa yang ditetapkan tanpa tertangguh. Tumpuan diberikan kepada usaha memastikan pelaku-pelaku utama iaitu komuniti perniagaan dan kerajaan saling memahami keperluan masing-masing. Oleh itu, E10 didefinisikan sebagai “interaksi yang berkesan antara kerajaan dan komuniti perniagaan bagi membolehkan aktiviti perniagaan dapat dijalankan di dalam tempoh yang dipersetujui bersama”.

Dalam konteks ini PBT sebagai pihak berkuasa perancang tempatan perlu memainkan peranan sebagai pemudahcara bagi membantu komuniti perniagaan menjalankan perniagaan mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Peranan PBT sebagai pemudahcara perniagaan digambarkan di dalam Rajah 2.



Rajah 2: Model E10 Dalam Kerangka Amalan Peraturan Baik

Sumber: Nukilan dan Hakcipta Penulis

Berdasarkan rajah 2 terdapat tiga pendekatan yang digunakan dalam model E10 kerangka amalan peraturan baik melibatkan perundingan awal, *customisation* dan fasilitasi. Matlamat utama pendekatan ini adalah untuk memastikan perniagaan dapat dimulakan mengikut perancangan yang ditetapkan oleh komuniti perniagaan.

Perundingan Awal (Consultation)

Pendekatan pertama adalah mengadakan perundingan awal dengan pelabur. Ini bagi membolehkan komuniti perniagaan memahami keperluan untuk mematuhi peraturan dan kerajaan memahami proses perniagaan yang bakal dilaksanakan. Setiap perniagaan mempunyai prosesnya tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Proses perundingan awal ini memerlukan pelabur mengemukakan ringkasan projek mereka yang mengandungi pelan kebenaran merancang, pelan kerja tanah, pelan jalan dan parit, pelan bangunan serta pelan tataletak mesin sebelum permohonan dikemukakan secara rasmi kepada MPKK melalui Unit OSC (One Stop Centre). OSC adalah satu sistem permohonan kelulusan pelan pemajuan secara atas talian yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ditempatkan di PBT. Melalui sistem ini setiap permohonan pelan pemajuan akan diterima, dihantar untuk ulasan jabatan.

Di dalam perundingan awal ini, MPKK akan menetapkan sesi pembentangan projek kepada beberapa agensi teknikal utama seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Bomba dan Penyelamat, PlanMalaysia, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain jabatan yang berkaitan. Sesi ini diadakan bagi membolehkan Principal Submitting Person (PSP) dan

pemilik projek memahami keperluan setiap peraturan yang dikuatkuasakan oleh agensi pengawal selia peraturan. Principal Submitting Person (PSP) adalah arkitek atau jurutera profesional yang dilantik oleh pemilik projek untuk bertindak bagi pihaknya melaksanakan fungsi (i) menyediakan pelan-pelan yang diperlukan, (ii) memasukkan permohonan kepada PBT, (iii) menyelia kerja-kerja pembinaan, (iv) memastikan setiap peraturan jabatan teknikal dipatuhi dan (v) memperakukan bangunan telah dibina mengikut pelan yang diluluskan dan selamat untuk diduduki. Biasanya PSP juga berfungsi sebagai penghubung antara pemilik projek dengan agensi kerajaan.

Setiap agensi boleh memberi komen awal terhadap pelan-pelan yang dibentangkan bagi memastikan setiap peraturan, terutamanya peraturan asas yang dikuatkuasakan oleh agensi masing-masing telah dipatuhi diperingkat perancangan. Pada peringkat ini perunding yang dilantik oleh pemilik projek dikehendaki mengambil tindakan membuat pindaan jika terdapat perubahan pada pelan-pelan berkenaan di dalam masa 14 hari.

Setelah sebahagian besar peraturan dipatuhi diperingkat penyediaan pelan, permohonan serentak pelan-pelan pemajuan dibuat secara rasmi kepada MPKK melalui Unit OSC. Oleh kerana sebahagian besar peraturan telah dipenuhi, perunding dibenarkan untuk membuat permohonan memasuki tapak bagi memulakan kerja-kerja awal sehari selepas permohonan rasmi dibuat. Ini akan menjimatkan masa bagi kerja-kerja awal pembinaan berbanding dengan keperluan untuk menunggu kelulusan setiap pelan secara berurutan. Sehingga artikel ini ditulis tiada peraturan khusus yang menghalang permohonan serentak kepada PBT dan tiada peraturan yang menetapkan setiap pelan hendaklah dikemukakan kepada OSC secara berurutan. Ini membuka ruang kepada PBT untuk memudahkan kepada pelabur menyusun permohonan kelulusan pelan mereka mengikut garis masa pelaksanaan projek mereka.

Pada dasarnya setiap pelan-pelan yang dikemukakan kepada Unit OSC akan diedar kepada agensi teknikal untuk memberi ulasan secara rasmi dalam tempoh 14 hari kepada MPKK sebelum kelulusan dikeluarkan. Ini bermakna pemilik projek dibenarkan memulakan kerja-kerja awal sebelum kelulusan pelan muktamad diberikan.

Perlu diingatkan di sini, kebenaran memulakan kerja-kerja awal diberikan kerana tanggungjawab memastikan pembinaan struktur bangunan yang telah dipastikan mematuhi dasar-dasar asas serta keperluan peraturan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) adalah di bawah pihak perunding. Kesanggupan pihak perunding untuk membuat penyeliaan, pengawasan dan pengesahan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) di akhir pembinaan merupakan prasyarat terhadap kebenaran kerja awal yang juga dibenarkan di bawah Seksyen 13 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Antara kerja-kerja awal yang terlibat adalah pembersihan kawasan, penyediaan sistem perparitan, pembinaan kolam kawalan air serta kerja-kerja menanam cerucuk. Persoalan mungkin dibangkitkan kenapa kerja-kerja menanam cerucuk dibenarkan sedangkan pelan bangunan belum diluluskan. Seperti yang dinyatakan di atas tugas utama PBT adalah memastikan (i) bangunan dibina di atas lot yang dibenarkan, (ii) dasar-dasar pemajuan dipatuhi, (iii) anjakan bangunan di dalam jarak yang benarkan, (iv) ketinggian bangunan mengikut dasar yang ditetapkan, (v) keperluan asas bomba dipatuhi, (iv) jalan keluar masuk ditentukan dengan sempurna, dan (vii) sistem saliran mengikut peraturan yang dibenarkan. PBT tidak dipertanggungjawabkan untuk memastikan pembinaan bangunan mengikut pelan-pelan teknikal pembinaan. Setelah kesemua peraturan di atas dipatuhi dengan jelas di dalam

pelan yang dikemukakan, tugas untuk memastikan pembinaan ditapak adalah mengikut pelan berkenaan adalah terletak di bahu PSP. Jika pihak PSP bersedia memikul tanggungjawab tersebut melalui surat permohonan untuk memasuki tapak bagi kerja-kerja awal, MPKK berpendapat tiada keperluan untuk pihaknya melengahkan kebenaran berkenaan.

Customisation

Pendekatan kedua adalah memutuskan garis masa pelaksanaan projek secara bersama. Di peringkat ini perunding perlu mengemukakan jadual pelaksanaan projek kepada MPKK dan semua agensi teknikal. Ini adalah untuk memastikan setiap agensi dapat memahami keperluan pematuan masa yang diharapkan oleh perunding dan pemilik projek. Setiap projek yang dijalankan oleh pemilik projek telah ditentukan garis masa terutama bagi memenuhi keperluan pelanggan projek berkenaan. Kegagalan mematuhi garis masa berkenaan boleh menjejaskan perancangan perniagaan yang telah ditetapkan oleh pemilik projek.

Di peringkat ini juga, perunding dan pemilik projek perlu memahami kekangan masa yang dihadapi oleh agensi pengawal selia. Oleh itu mereka perlu memastikan garis masa yang ditentukan bersama ini dapat dipatuhi sepenuhnya. Kegagalan mematuhi garis masa ini boleh menjejaskan kelancaran proses pemantauan, pemeriksaan dan seterusnya kelulusan yang bakal dikeluarkan oleh agensi pengawal selia.

Pendekatan *customisation* adalah pendekatan menang-menang yang memberi ruang kepada setiap pihak untuk mengemukakan keperluan garis masa masing-masing. Di akhir sesi perundingan awal, setiap pihak akan merumuskan satu garis masa yang dianggap munasabah untuk dipegang secara bersama. Ini adalah untuk mengelakkan wujud tekanan terhadap mana-mana pihak yang boleh membawa kepada kerugian. Kegagalan mematuhi garis masa ini bukan sahaja merugikan pelabur kerana tidak mendapat pulangan, tetapi turut merugikan kerajaan kerana projek berkenaan tidak menyumbang hasil melalui cukai dan menjana ekonomi melalui peluang pekerjaan.

Fasilitasi (Facilitation)

Sungguhpun segala langkah persediaan dan penetapan garis masa pelaksanaan telah dipersetujui bersama, namun ia tidak menjamin proses pelaksanaannya berjalan seperti yang ditetapkan. Terdapat kemungkinan berlakunya pelbagai faktor yang boleh menjejaskan segala perancangan dan persetujuan awal yang ditetapkan. Jika terdapat isu-isu yang berbangkit sepanjang tempoh pembinaan projek berkenaan, pihak MPKK akan memainkan peranan sebagai pemudahcara untuk mencari jalan penyelesaian. Peranan sebagai pemudahcara ini bukanlah bermakna MPKK mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan semua masalah yang berbangkit. Jika isu berbangkit berada di dalam bidangnya, MPKK boleh membuat keputusannya sendiri setelah merundingkannya dengan pihak yang berkaitan. Namun, jika isu berkenaan berada diluar bidangnya, MPKK akan membantu pelabur untuk membawanya kepada pihak yang berkaitan.

Proses pemudahcara berlaku sepanjang aktiviti perniagaan berjalan di daerah Kulim. Perkhidmatan pemudahcara ini diharapkan memberi keyakinan kepada pelabur bahawa Kulim adalah destinasi pelaburan yang mesra pelabur dan mampu menyediakan “*after sale service*” kepada pelanggannya.

MyMudah

Sebagai kerajaan ketiga di dalam sistem pentadbiran negara, MPKK perlu memainkan peranan sebagai pentadbir bandar dan melihat setiap isu yang menjejaskan hala tuju strategik di dalam wilayah pentadbirannya sebagai “penyakit” yang perlu diubatnya. Kegagalan untuk mengubati penyakit berkenaan boleh menjejaskan “kesihatan” bandar berkenaan. Untuk itu, bagi merawat penyakit berkait ketidaklancaran pembinaan projek pembangunan, sebuah unit diwujudkan sebagai pusat setempat bagi menyantuni pesakit- pesakit berkenaan. Pada peringkat awal unit ini dinamakan Unit Industri disebabkan tujuannya hanya untuk memastikan pembangunan sektor perindustrian di Kulim berjalan lancar.

Ekoran keputusan Majlis Ekonomi Negara yang bersidang pada 24 November 2021 yang menetapkan setiap agensi kerajaan perlu menubuhkan unit MyMudah (Maisarah, 2021), unit ini telah diberi penjenamaan semula sebagai Unit MyMudah pada Februari 2022. MyMudah merupakan pembolehdaya untuk memastikan Malaysia terus berdaya saing menarik pelaburan asing dan tempatan sebagai salah satu strategi pemulihan ekonomi pasca pandemik.

Impak

Uji cuba inisiatif E10 di Kulim HiTech Park Fasa 4 (KHTP Fasa 4) menunjukkan impak yang positif. Kejayaan Syarikat ASPEN Glove yang berjaya mengemukakan permohonan pelan cadangan pemajuan kepada Unit OSC, membina kilang, mendapatkan CCC dan lesen operasi serta memulakan operasi pengeluaran di dalam tempoh 10 bulan membuktikan pendekatan ini mampu dilaksanakan. Sehingga Jun 2022, sebanyak 8 buah syarikat telah menyewa tapak-tapak perniagaan di kawasan ini dan menjadikan KHTP Fasa 4 merupakan tapak industri berteknologi tinggi yang berjaya disewa sepenuhnya di dalam tempoh 5 tahun pelancarannya. Tapak yang mengandungi 12 lot industri mula dibuka pada tahun 2016 dan telah ditempah sepenuhnya menjelang tahun 2022. Beberapa syarikat telah memajak lebih dari satu lot bagi membina kilang mereka yang memerlukan kawasan yang lebih luas. Impak yang ketara ialah tanah KHTP yang masih kosong telah habis dijual kepada pelabur asing dalam tempoh satu setengah hingga dua tahun sahaja selepas inisiatif E10 dilaksanakan.

Sehingga Jun 2022, jumlah pelaburan asing yang masuk ke KHTP Fasa 4 adalah sebanyak RM53.7 billion. Angka ini merupakan manifestasi dari kepercayaan yang tinggi dari pelbagai pihak terhadap daya maju kawasan industri di Kulim serta kualiti sistem penyampaian kerajaan terutama PBT yang mengamalkan GRP.

Dalam konteks penawaran peluang pekerjaan sehingga tahun 2027 KHTP Fasa 4 mampu menawarkan 10 ribu peluang pekerjaan. Dengan jumlah tenaga kerja ini, kawasan ini dijangka berupaya menjana perkembangan ekonomi setempat berjumlah RM420.0 juta setahun. Jangkaan ini dibuat dengan andaian setiap pekerja mendapat pendapatan purata sebanyak RM3,500 sebulan. Mereka akan membelanjakan pendapatan tersebut untuk mendapatkan keperluan hidup seperti membeli rumah, kenderaan dan barang keperluan harian.

Masa Hadapan Peraturan

Peraturan akan terus wujud selagi wujud aktiviti di dalam kehidupan manusia. Begitu juga dengan pelbagai aktiviti di dalam kehidupan akan terus wujud selagi manusia berinteraksi sesama mereka dan berinteraksi dengan pelbagai makhluk yang diciptakan oleh tuhan di dunia ini. Namun, bagaimana bentuk peraturan yang akan berkembang dan dilaksanakan masih belum dapat dipastikan dengan jelas.

Pelbagai peraturan yang wujud sejak kewujudan tamadun manusia telah berubah sesuai dengan peraturan masa. Peraturan yang pada peringkat awal diwujudkan secara berdokumen dan dikuatkuasakan secara fizikal semakin mengalami perubahan. Ini bersesuaian dengan perkembangan teknologi komunikasi yang turut merubah bentuk interaksi di dalam kehidupan manusia. Bentuk interaksi secara fizikal menjadi semakin terhad ekoran berkembangnya interaksi secara maya. Ahli organisasi boleh bermesyuarat dan membuat keputusan penting di dalam organisasi mereka tanpa perlu bergerak secara fizikal untuk berbincang dan membuat keputusan. Orang ramai boleh berinteraksi dengan organisasi awam untuk mendapatkan perkhidmatan tanpa perlu bergerak secara fizikal ke bangunan kerajaan dan bertemu pegawai kerajaan secara fizikal.

Perkembangan ini secara perlahan-lahan merubah bentuk peraturan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Malah terdapat peraturan yang wujud sebelum ini tidak lagi relevan dengan perkembangan ini. Peraturan secara berdokumen tidak lagi sesuai di dalam semua keadaan. Peraturan berbentuk maya telah mengambilalih pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Peraturan diwujudkan di dalam bentuk “sistem” dan dikuatkuasakan secara maya kepada orang ramai. Antara perkhidmatan yang disediakan secara “sistem maya” adalah pembaharuan cukai jalan dan pelbagai lesen yang diperlukan oleh orang ramai. Permohonan boleh dibuat secara maya, diproses secara maya dan diluluskan secara maya. Peraturan yang berkaitan dengan aktiviti ini ditentukan secara digital. Permohonan tidak memenuhi peraturan yang ditetapkan akan diberikan pemberitahuan secara langsung dan pemohon boleh mengambil tindakan pembetulan. Jika berlaku ketidakpatuhan, permohonan akan ditolak.

Kaedah penguatkuasaan peraturan turut mengalami perubahan. Kini terdapat aktiviti orang ramai yang dikawal secara pematuhan sendiri (*self-regulated*). Ini akan mengurangkan bebanan kerajaan untuk memastikan pematuhan peraturan secara fizikal. Orang ramai dibenarkan menjalankan aktiviti mereka dan mengesahkan sendiri bahawa aktiviti berkenaan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengawalselia peraturan hanya perlu membuat pemeriksaan secara rambang dan mendapatkan perakuan dari pemohon jika terdapat elemen ketidakpatuhan terhadap peraturan berkenaan. Jika didapati berlaku ketidakpatuhan secara sengaja, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan. Ini boleh meningkatkan nilai kejujuran dalam kalangan orang ramai dan mengurangkan kos pengawalseliaan terhadap kepatuhan peraturan.

Perkembangan ini menunjukkan terdapat perubahan terhadap ekosistem kerangka peraturan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Peranan teknologi komunikasi telah memberi impak yang agak ketara terhadap kerangka peraturan. Perubahan terhadap gaya hidup dan gaya fikir orang ramai turut mempengaruhi bentuk peraturan dan kaedah penguatkuasaannya. Mungkin sukar untuk meramalkan masa hadapan peraturan bagi tempoh 50 tahun yang akan datang. Namun, perkembangan terkini memberi gambaran bahawa kerangka peraturan dijangka akan memanfaatkan sepenuhnya perkembangan teknologi komunikasi. Mungkin peraturan secara berdokumen akan digantikan dengan peraturan maya dan kaedah mengawalselia akan berubah secara “*internet of thing*” melalui pelbagai kaedah automasi seperti robotik, nanochip, pengimbas fizikal (physical recognition) dan kawalan satelit.

Implikasi Pengurusan

Implikasi pengurusan berkaitan dengan kajian amalan baik peraturan boleh dilihat kepada pihak kerajaan persekutuan, peranan PBT, konsultan dan pelabur. Pertama, hasil kajian ini dapat membantu pihak kerajaan persekutuan membangunkan rangkaian hubungan antara

kementerian dan agensi yang terlibat melaksanakan proses dan program bagi menyokong peraturan. Tujuan penubuhan rangkaian hubungan tersebut bagi meningkatkan penyelarasan pelaksanaan peraturan antara agensi terutama yang mempunyai hubungan dengan komuniti perniagaan. Oleh itu, kerajaan persekutuan boleh melantik penyelarasan di setiap agensi yang terlibat untuk memantau dan menyediakan latihan yang diperlukan bagi memastikan kakitangan yang terlibat memahami peraturan dan garis panduan yang perlu dilaksanakan.

Kedua, pengenalan kepada GRP ini dapat meningkatkan peranan PBT kepada masyarakat melalui peningkatan kecekapan bekerja terutama mempercepatkan kelulusan permohonan permit pembangunan. Kecekapan bekerja dapat meningkatkan imej PBT dan kerajaan Malaysia secara keseluruhannya. Langkah yang diambil oleh PBT dalam melaksanakan GRP ini merupakan usaha bagi menyokong permodenan lesen perniagaan (*modernizing business licensing* - MBL). MBL telah diperkenalkan di bawah kepimpinan PEMUDAH. Program Modernisasi Lesen Perniagaan diperkenalkan untuk memudahkan peraturan perniagaan sedia ada dimana ia akan membantu pelabur untuk datang melabur di Kedah dan Malaysia.

Ketiga, ia membantu konsultan memastikan pelabur berpuashati dengan tempoh dan proses permohonan yang berpatutan. Reputasi konsultan yang baik akan menggalakkan lebih ramai pelabur ingin menggunakan khidmat konsultan dalam proses menjalankan perniagaan di Malaysia. Ia sekaligus menggalakkan lebih ramai pelabur datang ke Malaysia dan meningkatkan produktiviti sektor awam.

Kesimpulan

Peraturan yang diwujudkan adalah bertujuan memastikan kesejahteraan kehidupan orang ramai terpelihara, mendapat keadilan dan selamat dari manipulasi dan penindasan. Namun, tempoh sesuatu peraturan dan objektif penggubalannya boleh berubah ekoran pelbagai perubahan yang berlaku di dalam aktiviti kehidupan orang ramai. Ini memerlukan penyesuaian yang berterusan. Tanpa penyesuaian dan penambahbaikan peraturan yang pada asalnya diwujudkan dengan niat yang baik boleh membawa impak yang sebaliknya. Malah penguatkuasaan yang tidak berpaksikan “kebijaksanaan” juga boleh memberi kesan terhadap kesejahteraan hidup orang ramai. Dengan itu, proses penambahbaikan berterusan adalah satu keperluan bagi memastikan peraturan memberi impak seperti yang diharapkan. Pendekatan *good regulatory practise* adalah pembolehdaya bagi mencapai keberhasilan ini. Persoalan sama ada ia adalah naratif baharu atau penyegaran semula amalan lama adalah bergantung kepada sudut pandang masing-masing kerana hakikatnya tiada peraturan yang diwujudkan adalah untuk memudaratkan kesejahteraan hidup manusia.

Penghargaan

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan pandangan secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan artikel ini.

Rujukan

- Arifin, M. A. M., & Ahmad, A. H. (2016). Kepentingan Budaya Integriti Dan Etika Kerja Dalam Organisasi Di Malaysia: Suatu Tinjauan Umum. *Geografia*, 12(9), 138-149
- Baldwin, R., Cave, M., & Lodge, M. (2012). *Understanding Regulation: Theory, Strategy, And Practise*. London: Oxford University Press.
- Balon, S. & Rime B. (2016). Lexical Profile Of Emotional Disclosure In Socially Shared Versus Written Narratives. *Journal of Language and Social Psychology*, 35 (4): 345-373.

- Carolan, C. M., Forbat, L., & Smith, A. (2015). Developing the DESCARTE Model: The Design Of Case Study Research In Health Care. *Qualitative Health Research* 26(5), 626–639.
- Eifert, B. P. (2009). *Do Regulatory Reforms Stimulate Investment And Growth? Evidence From The Doing Business Data, 2003-07*. CGD Working Paper 159. Center for Global Development.
- Elman, C., Gerring, J., & Mahoney, J. (2016). Case Study Research: Putting The Quant Into The Qual. *Sociological Methods and Research*, 45(3): 375–391.
- Hassan, A. H. (2016). Masalah Penguatkuasaan Undang-Undang Terhadap Bangunan Tanpa Kebenaran Di Majlis Bandaraya Alor Setar. Tesis Sarjana, Malaysia: Universiti Utara Malaysia.
- Lee, G. B. (2014). Roles of the Federal Government And State Governments. Routledge Handbook of Contemporary Malaysia. London: Taylor & Francis.
- Maisarah, S. R. (2021). Unit #MyMudah permudah operasi perniagaan – PM. *Utusan Malaysia*. 24 November.
- Malaysian Investment Development Authority (2021). Good regulatory practice needed for pandemic recovery. Available at <https://www.mida.gov.my/mida-news/good-regulatory-practice-needed-for-pandemic-recovery>. 28 November.
- Morgan, S. J., Pullon, S. R. H., Macdonald, L. M., McKinlay, E. M., & Gray, B. V. (2017). Case study observational research: A framework for conducting case study research where observation data are the focus. *Qualitative Health Research* 27(7):1060–1068
- Perbadanan Produktiviti Malaysia. (2021). *Amalan Baik Peraturan Buku Panduan 2.0*. Kuala Lumpur: Kerajaan Malaysia
- TheSunDaily*. 2021. Good Regulations Will Help Make Malaysia Investment Hub Of Choice. November, 25, Available at <https://www.thesundaily.my/home/good-regulations-will-help-make-malaysia-investment-hub-of-choice-DI8596511>
- OECD. (2000). *Reducing the risk of policy failure: challenges for regulatory compliance*.
- Robinson, M. (2015). *From Old Public Administration To The New Public Service: Implications For Public Sector Reform In Developing Countries*. United Nations Development Program Global Centre for Public Service Excellence
- Shleifer, A. (2005). Understanding Regulation. *European Financial Management* 439-451
- Seman, A. & Majid, M. (2019). Good Regulatory Practice in Malaysia, in Intal, P. and M. Pangestu, *Integrated and connected seamless ASEAN economic community*, Jakarta, ERIA: 234–241.
- The Star Online*. (2022). Mohd Zuki: Emulate Kedah to Better Woo Investors, 13 June.
- World Bank Group. (2019). *Regulatory Governance For Development And Growth: Malaysia's Experience With Good Regulatory Practices*. World Bank: Malaysia.
- World Bank Group. (2018). *Global Investment Competitiveness Report 2017/2018: Foreign Investor Perspectives And Policy Implications*. World Bank Group Publication.
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research And Applications. Sixth Ed*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Zulkifli, N., Najid, N.A., Mohd Noor, R., Abdul Rahim, A.F., Yaacob, N.A. (2020). Achieving Environmental Sustainability through Good Regulatory Practice (GRP). In: Kaur, N., Ahmad, M. (eds) *Charting a sustainable future of ASEAN in business and social sciences*. Springer: Singapore.